

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

95 kes ada kaitan kluster perhimpunan tabligh

Peserta program setuju tampil buat saringan kesihatan

Oleh Luqman Arif Abdul Karim
luqman.arif@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sebanyak 95 daripada 125 kes baharu coronavirus (COVID-19) adalah berkaitan kluster perhimpunan tabligh di Masjid Seri Petaling, pada 27 Februari hingga 1 Mac lalu.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata setakat ini, jumlah keseluruhan kes positif wabak itu ialah 553 kes dengan 511 kes masih dirawat manakala 12 kes lagi sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU).

Beliau berkata, tiga daripada 12 individu yang dirawat di ICU pula adalah berkaitan dengan kluster jemaah tabligh dan setakat ini diberikan bantuan pernafasan menerusi mesin ventilator.

"Daripada keseluruhan 553 kes positif wabak itu 42 pesakit sudah sembuh," katanya pada sidang media berkaitan kluster itu, di sini, semalam.

Ditanya hasil perbincangan kementerian dengan pengurusan jemaah tabligh, Dr Adham berkata mesyuarat yang diadakan kelmarin, amat memuaskan apabila peserta program berkenaan bersetuju tampil membuat saringan kesihatan.

Katanya, kira-kira 7,000 peserta perhimpunan tabligh yang diadakan di Masjid Seri Petaling setakat ini sudah ke hospital untuk memeriksa status kesihatan mereka.



Dr Adham pada sidang media harian mengenai perkembangan situasi COVID-19 di Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

"DG (Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah) semalam mengadakan perbincangan secara dalam talian dengan pengetua jemaah tabligh bagi menjaga jarak kontak rapat. Daripada mesyuarat itu, ramai yang bersetuju untuk tampil melakukan saringan kesihatan di hospital berkaitan," katanya.

Selain itu, Dr Adham berkata, Malaysia memerlukan lebih ramai pengamal perubatan yang mempunyai kepakaran dalam bidang epidemiologi, susulan penularan COVID-19.

Berdasarkan rekod semasa, katanya, kerajaan setakat ini mempunyai 135 tenaga pakar itu di hospital kerajaan, manakala sembilan orang lagi di institut perubatan khas.

"Kita sekarang memang memerlukan pengamal perubatan yang mempunyai kepakaran da-

lam bidang epidemiologi untuk ditempatkan di setiap negeri. Ketika ini, usaha untuk membendung penularan COVID-19 masih giat dijalankan menerusi kerjasama daripada 61,158 doktor di seluruh negara," katanya.

Mengulas keupayaan sektor kesihatan awam dan swasta untuk memberikan rawatan susulan penularan COVID-19, Dr Adham berkata, Malaysia masih berada di tahap terkawal serta berupaya menyediakan perkhidmatan kepada orang ramai.

Setakat ini, beliau menjelaskan, sebanyak 926 unit ventilator jenis 'non invasive' ditempatkan di wad ICU hospital di seluruh negara untuk kegunaan pesakit COVID-19.

"Selain itu, kita ada 142 unit ventilator yang boleh dibawa ke mana-mana.

"Bagaimanapun, kerajaan sedang menempah 800 lagi unit ven-

tilator untuk dibawa masuk," katanya.

Susulan penularan COVID-19 yang menyaksikan kes positif jangkitan wabak itu di Malaysia melonjak secara mendadak, Dr Adham berkata kerajaan menggaji lebih ramai jururawat untuk ditempatkan di hospital seluruh negara.

Beliau menjelaskan, kementerian setakat ini membuat tawaran perkhidmatan membabitkan 830 jururawat yang dilantik secara kontrak bagi tempoh dua tahun.

"Menerusi mesyuarat pagi tadi, kita juga minta ada hubungan kerjasama dengan China kerana republik itu sekarang menyaksikan kadar penularan yang merekodkan tiada peningkatan.

"Jadi, China mempunyai lebih peralatan perubatan yang kini diberikan kepada beberapa negara, contohnya Iraq," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 31

RUANGAN : NASIONAL

Doktor pelatih tak kendali operasi COVID-19

JKNS tempatkan pelajar di tiga hospital untuk kursus induksi

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) akan menempatkan 102 doktor pelatih terhad kepada tiga hospital latihan siswazah di negeri itu dan mereka akan melapor diri di hospital ditetapkan pada Khamis ini.

JKNS mengesahkan mereka sedang menjalani latihan induksi, iaitu Program Transformasi Minda (PTM) Peringkat Negeri Selangor selama tiga hari mulai semalam.

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan) JKNS, Dr Faizal Mat Arifin, berkata semua doktor pelatih berkenaan akan ditempatkan ke hospital latihan siswazah dan tidak semestinya akan mengendalikan operasi berkaitan COVID-19.

"Mungkin wujud sedikit salah faham mengenai doktor pelatih yang akan mengendalikan operasi COVID-19, sehingga ramai yang memberi komen mengenainya.

"Agak ekstrem untuk menyatakan doktor pelatih ini dipanggil untuk bantu menangani COVID-19, tetapi mereka dikehendaki menjalani latihan berkaitan wabak berkenaan sebagai sebahagian daripada pengisian latihan," katanya ketika dihubungi *BH* di sini, semalam.

Dr Faizal berkata, semua doktor pelatih ini menjalani induksi sebagai persediaan melalui latihan amali (housemanship) seperti mana prosedur latihan terdahulu.

"Mereka bukan ditempatkan untuk COVID-19 kerana JKNS sudah memilih doktor perubatan sedia ada di hospital untuk berada di pusat pemeriksaan kecemasan dan wad.

"Justeru, kita tidaklah melatih mereka terus untuk membantu operasi COVID-19,



Agak ekstrem menyatakan doktor pelatih ini dipanggil untuk bantu menangani COVID-19, tetapi mereka dikehendaki menjalani latihan berkaitan wabak berkenaan sebagai sebahagian pengisian latihan.

Dr Faizal Mat Arifin,
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan) JKNS

jadi penempatan doktor pelatih ini bergantung kepada hospital masing-masing.

"Bagi mengendalikan COVID-19 perlu kepada latihan dan mereka mestilah tahu bidang tugas masing-masing, termasuk mahir dalam melindungi diri mereka dan pesakit, jadi tidak wajar pihak hospital mengarahkan sesiapa sahaja (tanpa kepakaran) untuk menguruskannya," katanya.

Mengikut pemerhatian *BH*, antara hospital di Selangor yang termasuk dalam kategori hospital latihan siswazah adalah Hospital Sungai Buloh, Hospital Kajang, Hospital Selayang, Hospital Ampang dan Hospital Tengku Ampuan Ra-

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : A3

RUANGAN : LOKAL

KESAN 125 KES BAHARU

Sebanyak 12 individu kini dirawat di ICU

Oleh Raja Noraina
Raja Rahim
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Sebanyak 125 kes positif Covid-19 direkodkan semalam, dengan 12 kes sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU).

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, jumlah kes baharu itu menjadikan keseluruhan kes positif di Malaysia adalah 553 kes setakat 12 tengah hari.

"Sebanyak 95 kes baharu yang disahkan itu adalah berkaitan dengan kluster perhimpunan tabligh di Masjid Sri Petaling, termasuk tiga yang



KKM sedang melaksanakan aktiviti mitigasi. Antara langkah diambil adalah menjadikan Hospital Sungai Buloh (HSB) sebagai hospital khusus kes Covid-19"

Dr Adham Baba

menerima rawatan di ICU.

"Paling tinggi kes dilaporkan adalah dari Selangor, Kuala Lumpur, Sabah dan Johor," katanya di Kementerian Kesihatan, semalam.

Beliau berkata, negara ketika ini berdepan pertambahan kes Covid-19 yang ketara dan mengambil kira perkara itu, KKM memasuki pembendungan akhir jangkitan.

"KKM sedang melaksanakan aktiviti mitigasi. Antara langkah diambil adalah menjadikan Hospital Sungai Buloh (HSB) sebagai hospital khusus kes Covid-19 berdasarkan kelengkapan makmal dan kepakaran," katanya.

Ditanya mengenai keperluan perintah berkurung diadakan berikutan peningkatan kes yang serius, Dr Adham berkata, pihaknya kini sudah berada di tahap mitigasi.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : SINAR NEGERI

125 kes Covid-19 dikesan semalam

Menjadikan jumlah kumulatif meningkat kepada 553 kes

KUALA LUMPUR

Sebanyak 125 kes baharu dilaporkan positif Covid-19 setakat 12 tengah hari semalam, menjadikan jumlah kumulatif meningkat kepada 553 kes.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, sejumlah 95 daripada 125 kes baharu itu berkaitan kluster perhimpunan tabligh di Masjid Sri Petaling baru-baru ini.

“Sehingga kini, sebanyak 12 kes positif Covid-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan memerlukan bantuan pernafasan,” katanya pada sidang akhbar berkaitan kluster itu di sini semalam.

Menurut Adham, terdapat pertambahan kes Covid-19 yang ketara



DR ADHAM BABA

sepanjang minggu lalu di Malaysia.

“Mengambil kira situasi terkini, Kementerian Kesihatan telah memasuki tahap pembendungan akhir iaitu *late containment*.”

“Dalam tahap pembendungan akhir, ia bertujuan membendung pe-

nularan jangkitan Covid-19 daripada menjadi lebih serius di Malaysia,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, kementerian itu juga sedang dalam persediaan memasuki tahap mitigasi melibatkan langkah-langkah yang telah diambil iaitu menjadikan Hospital Sungai Buloh sebagai hospital khusus untuk kes positif Covid-19, meningkatkan kapasiti dan kapabiliti makmal, kenal pasti pusat kuarantin di seluruh negara dan bekerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan fasiliti swasta dalam pengurusan kes.

“Rakyat Malaysia berperanan sangat penting dalam membantu negara Malaysia membendung kejadian Covid-19 di Malaysia.

“Kementerian juga telah memberi pelbagai nasihat kesihatan kepada orang awam setiap hari.

“Justeru, kementerian memohon kerjasama daripada rakyat Malaysia dalam memerangi kejadian ini,” katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : ANCAMAN COVID-19

28 markas tabligh digesa patuhi arahan Kementerian Kesihatan

SHAH ALAM - Pucuk pimpinan Jemaah Dakwah dan Tabligh Malaysia menggesa kesemua 28 markasnya di seluruh Malaysia mematuhi arahan dan memberi kerjasama kepada Kementerian Kesihatan (KKM) dengan menjalani pemeriksaan kesihatan membendung penularan wabak koronavirus (Covid-19).

Ahli Mesyuarat Markaz Dakwah dan Tabligh Malaysia, Abdullah Cheong berkata, pihak KKM telah mengingatkan berulang kali bagi memastikan semua jemaah yang menghadiri perhimpunan tabligh di Masjid Sri Petaling, Kuala Lumpur selama tiga hari itu supaya mendapatkan rawatan perubatan.

"Mereka telah mengingatkan kita (jemaah tabligh) untuk mengambil langkah-langkah sewajarnya dalam mencegah pe-

nularan wabak tersebut.

"Jemaah tabligh perlu segera menghubungi pejabat kesihatan daerah masing-masing atau CPRC hotline untuk mendapatkan bimbingan dan rawatan perubatan," katanya menerusi satu kenyataan di sini semalam.

Abdullah berkata, kesemua aktiviti melibatkan semua jemaah tabligh perlu dihentikan serta-merta buat masa ini.

"Sepanjang tempoh kuarantin Masjid Sri Petaling, tiada jemaah dibenarkan datang dan tiada jemaah akan dihantar keluar dari markas kita sehingga keputusan mesyuarat selanjutnya insya-ALLAH.

"Kami harap semua keputusan ini dapat ditaati dan dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh," katanya.

Kelmarin, Ketua Pengarah Kesihatan,

109 peserta tabligh jalani pemeriksaan di Perlis

KANGAR - Seramai 109 peserta perhimpunan tabligh di Masjid Jamek Sri Petaling di Kuala Lumpur 28 Februari lepas telah menjalani pemeriksaan di Dewan Wawasan 2020 di sini, kata Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Azlan Man.

Beliau berkata, sebanyak 23 sampel adalah negatif, manakala 86 sampel lagi belum mendapat keputusan.

"Kami harap mereka yang terlibat dengan perhimpunan tabligh itu segera tampil membuat pemeriksaan," katanya.

Azlan berkata, pihaknya turut dimaklumkan bahawa lapan individu yang kini dirawat di Hospital Tuanku Fauziah, Kangar setelah disahkan positif Covid-19 berada dalam keadaan stabil. - *Bernama*

Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, peserta perhimpunan tabligh diletakkan di bawah perintah pengawasan dan pemerha-

tian Seksyen 15(1), Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 untuk tempoh 14 hari mengikut tarikh akhir.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 23

RUANGAN : SINAR NEGERI

125 kes Covid-19 dikesan semalam

Menjadikan jumlah kumulatif meningkat kepada 553 kes

KUALA LUMPUR

Sebanyak 125 kes baharu dilaporkan positif Covid-19 setakat 12 tengah hari semalam, menjadikan jumlah kumulatif meningkat kepada 553 kes.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, sejumlah 95 daripada 125 kes baharu itu berkaitan kluster perhimpunan tabligh di Masjid Sri Petaling baru-baru ini.

"Sehingga kini, sebanyak 12 kes positif Covid-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan memerlukan bantuan pernafasan," katanya pada sidang akhbar berkaitan kluster itu di sini semalam.

Menurut Adham, terdapat pertambahan kes Covid-19 yang ketara



DR ADHAM BABA

sepanjang minggu lalu di Malaysia.

"Mengambil kira situasi terkini, Kementerian Kesihatan telah memasuki tahap pembendungan akhir iaitu *late containment*."

"Dalam tahap pembendungan akhir, ia bertujuan membendung pe-

nularan jangkitan Covid-19 daripada menjadi lebih serius di Malaysia," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, kementerian itu juga sedang dalam persediaan memasuki tahap mitigasi melibatkan langkah-langkah yang telah diambil iaitu menjadikan Hospital Sungai Buloh sebagai hospital khusus untuk kes positif Covid-19, meningkatkan kapasiti dan kapabiliti makmal, kenal pasti pusat kuarantin di seluruh negara dan bekerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan fasiliti swasta dalam pengurusan kes.

"Rakyat Malaysia berperanan sangat penting dalam membantu negara Malaysia membendung kejadian Covid-19 di Malaysia."

"Kementerian juga telah memberi pelbagai nasihat kesihatan kepada orang awam setiap hari."

"Justeru, kementerian memohon kerjasama daripada rakyat Malaysia dalam memerangi kejadian ini," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 27

RUANGAN : SINAR NEGERI

12 pusat tapisan kesihatan Covid-19 di Melaka

MELAKA- Sebanyak 12 pusat tapisan kesihatan koronavirus (Covid-19) disediakan di tiga daerah di negeri ini yang beroperasi dari 8 pagi hingga 5 petang.

Jabatan Kesihatan Negeri Melaka menerusi satu kenyataan semalam memberitahu, orang ramai boleh menjalani tapisan kesihatan di lima lokasi di Daerah Melaka Tengah iaitu Klinik Kesihatan (KK) Ayer Keroh, KK Tengker, KK Seri Tanjung, KK Peringgit dan KK Ayer Molek.

Di Daerah Alor Gajah, lima pusat tapisan kesihatan turut dibuka iaitu KK Rembia, KK Kuala Sungai Baru, KK Alor Gajah, KK Masjid Tanah dan KK Durian Tunggal.

Di Daerah Jasin, proses tapisan kesihatan Covid-19 boleh dibuat di KK

Merlimau dan KK Simpang Bekoh.

Kriteria tapisan kesihatan melibatkan mereka yang demam atau mengalami jangkitan salur pernafasan akut (tiba-tiba) dengan mana-mana satu simptom berikut: sesak nafas, batuk dan sakit tekak.

Turut perlu menjalani tapisan kesihatan ialah sesiapa yang ada sejarah melawat atau tinggal di negara terjejas iaitu China (termasuk Hong Kong, Macau dan Taiwan), Korea Selatan, Itali, Iran dan Jepun dalam tempoh 14 hari sebelum gejala.


Mereka yang mempunyai kontak rapat dengan kes positif koronavirus (Covid-19) dalam tempoh 14 hari sebelum gejala turut dikehendaki menjalani tapisan kesihatan, menurut kenyataan itu. *-Bernama*

FOTO: BERNAMA



12 pusat tapisan kesihatan koronavirus (Covid-19) disediakan di tiga daerah di Melaka.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 29
RUANGAN : SINAR NEGERI



Notis pemakluman perubahan waktu dan peraturan melawat HSAH Sungai Petani, Kedah.

HSAH, Hospital Kulim pendekkan waktu melawat

ALOR SETAR - Hospital Sultan Abdul Halim (HSAH) di Sungai Petani dan Hospital Kulim memendekkan waktu lawatan bagi mengurangkan risiko jangkitan wabak koronavirus (Covid-19) kepada pesakit, petugas hospital dan orang ramai bermula berkuat kuasa kelmarin.

Melalui notis dikeluarkan kedua-dua hospital tersebut melalui laman sosial Facebook

masing-masing, tempoh lawatan ditetapkan adalah pada jam 1 tengah hari sehingga 2 petang dan 5 petang sehingga 7 petang.

Pengarah HSAH, Dr Zainal Che Mee berkata, individu yang mempunyai simptom influenza seperti demam, batuk, selesema, sakit tekak, muntah dan cirit tidak dibenarkan melawat hospital manakala kanak-kanak berumur 12 tahun tidak

dibenarkan melawat pesakit di wad.

“Pelawat yang berisiko tinggi mendapat jangkitan seperti yang menghidap penyakit kronik dan individu dengan imuniti rendah (contoh dalam rawatan barah) tidak dibenarkan melawat hospital kecuali atas sebab kecemasan yang tidak dapat dielakkan,” katanya melalui notis di Facebook HSAH.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : STORY OF THE DAY/NEWS

125 new cases detected, mostly from Sri Petaling mosque event

KUALA LUMPUR: Malaysia recorded 125 new Covid-19 cases yesterday, raising the national tally to 553.

Health Minister Datuk Dr Adham Baba said 95 of the new cases were linked to a cluster at the Sri Petaling mosque, where a tabligh event was held from Feb 27 to March 1.

"Most of the cases detected today were in Selangor and the Federal Territory, with the rest in Sabah and Johor.

"There are 12 patients who tested positive for Covid-19, who are treated in the Intensive Care Unit (ICU) with ventilators to aid in their breathing."

On Sunday, Malaysia detected 190 new cases of Covid-19 — the biggest one-day increase since the outbreak began in the country on Jan 25.

"There has been a noticeable increase of Covid-19 cases in the country since last week, and taking into consideration this latest development, the Health Ministry has deemed the situation as in the 'late containment stage', where the aim is to curb and address positive infection cases from spreading further," Dr Adham told a press conference.

At the same time, he said the ministry was getting ready to enter the mitigation stage.

Among the measures taken in this stage are turning Sungai Buloh Hospital into an "admission hospital" for Covid-19 cases, increasing the capacity and capability of laboratories to detect Covid-19 infections, designating quarantine centres nationwide, and working with non-governmental organisations and private medical facilities to manage and treat cases.

"We have sufficient infectious disease doctors to help combat this virus.

"We have 61,158 doctors on duty, 926 ventilators in 125 government hospitals and we have placed an order for an additional 800 ventilators in light of the situation," he said.

Dr Adham reminded people that they have an important role in fighting the virus.

"The Health Ministry has been issuing advisories to the public daily. We seek the public's cooperation and assistance to stop this virus from spreading by practising good hygiene such as constantly washing their hands, covering their mouths when cough-

ing, and maintaining a distance of 1m from another person when sneezing."

He said the ministry was in contact with health officials from China.

"We have been communicating with Chinese officials on the possibility of obtaining medical equipment for the treatment of patients here apart from getting advice and sharing experience."

He said the ministry would enlist more than 800 nurses on contract to add to the medical staff and personnel.

Former deputy health minister Dr Lee Boon Chye said the ministry should focus on mitigation, such as reducing the number of cases and optimising healthcare resources.

On his Facebook page, he proposed that the ministry train more staff and ensure that there was enough personal protection equipment.

"We must focus on treating severe cases in hospitals. Mild cases and patients without symptoms should be placed in special areas



Health Minister Datuk Dr Adham Baba speaking at the Health Ministry in Putrajaya yesterday. BERNAMA PIC



Dr Lee Boon Chye

with less intensive care.

"Patient-under-investigation (PUIs) should be placed in special isolation facilities, such as hotels or hostels, until Covid-19 is excluded."

Dr Lee called for all gatherings to be cancelled, and to temporarily close kindergartens, schools, colleges and universities.

"Public transport, terminals and government offices should

be disinfected regularly.

"Work from home as far as possible. Make sure offices maintain good ventilation and keep air-conditioning at high ambient temperatures.

The Association of Private Hospitals Malaysia (APHM) said it had met the ministry to work out strategies to manage the huge number of Covid-19 cases.

Its president, Datuk Dr Kuljit Singh, said APHM had a meeting with member hospitals recently and had made recommendations, and they would be conveyed to the ministry soon.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NATION

Adham: New housemen not involved

PETALING JAYA: Some 1,000 new housemen, who started their induction course yesterday, will not be roped in to assist medical staff involved in handling Covid-19 cases, clarifies Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba.

He said these housemen would not even be stationed at Covid-19 screening counters or isolation wards.

"Such cases are handled by senior doctors and well-trained personnel," he said.

It was previously reported that medical staff at public hospitals nationwide, who had their hands full handling the Covid-19 outbreak, would be aided by the new housemen.

Health Ministry deputy director-general (medical) Datuk Dr Rohaizat Yon said the duration of the induction course was cut down from five days to three days due to the Covid-19 outbreak.